

Menang PRU14 tidak bermakna rakyat setuju

KUALA LUMPUR - Kemenangan PH dalam PRU14 tidak memberi makna kerajaan mendapat persetujuan rakyat untuk menghapuskan label Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, sebaliknya, keputusan pilihan raya lepas adalah mandat untuk menukar kerajaan berdasarkan segala tawaran yang terkandung dalam manifesto PH.

"Penghapusan keistimewaan Bumiputera bukan sebahagian daripadanya. Walaupun kerajaan bertukar, jangan sesekali DAP beranggapan bahawa ini adalah persetujuan rakyat Malaysia untuk memperkenalkan dasar kesamarataan mengikut kefahaman DAP, iaitu menghapuskan label Bumiputera dan bukan Bumiputera.

"Mengubah citra dan karakter Malaysia adalah cita-cita dan aspirasi politik yang sangat berbahaya dalam Malaysia yang sangat pluralistik dan berbilang bangsa. Yang pasti, DAP dan PH tidak mempunyai mandat untuk berbuat sesuka hati mereka walaupun meraih kemenangan dalam pilihan raya lepas," tegasnya dalam satu kenyataan, semalam.

Sebelum ini, Adun Tras, Chow Yu Hui dan Adun Tanah Rata, Chiong Yoke Hong mengeluarkan kenyataan bersama pada 9 November



MOHAMAD

lalu menyatakan sokongan terhadap Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) dan mengakui kepentingan menerapkan prinsip kesaksamaan antara kaum di negara ini.

Mengulas kenyataan ke dua pemimpin DAP itu, Mohamad berkata, ia jelas menunjukkan parti itu kekal teguh dengan pendirian bagi menjayakan ideologi Malaysian Malaysia yang selama ini diperjuangkan.

"Kedua-duanya mengungkapkan bagaimana konsep tersebut lahir pada 1967 melalui apa yang dipanggil Deklarasi Setapak.

"Bagi kedua mereka, hanya melalui penghapusan label tersebut, Malaysia yang sama rata dan saksama akan terjelma dan kenyataan tersebut jelas menunjukkan DAP tidak pernah meninggalkan misi Malaysian Malaysia," katanya.